



جابتن قجاين اسلام

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
DEPARTMENT OF ISLAMIC STUDIES
MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS
BANDAR SERI BEGAWAN BA1311
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami : BP/JPI/SP

13 Rejab 1446H
13 Januari 2025M

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

SURAT PEMBERITAHUAN BAHAGIAN PEPERIKSAAN, JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL : 1/2025

PEPERIKSAAN PEMILIHAN CALON KE SEKOLAH ARAB (PCKSA) TAHUN 1446H/2025M

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang membuat persediaan bagi pendaftaran peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) Tahun 1446H/2025M. Peperiksaan ini akan diadakan pada tarikh berikut:

PEPERIKSAAN LISAN	PEPERIKSAAN BERTULIS
02 Jun hingga 14 Jun 2025* 23 Jun hingga 30 Jun 2025*	29 Ogos dan 31 Ogos 2025*

* tertakluk pada sebarang perubahan

2. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

- A. Murid-murid yang layak mendaftar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. **Berugama Islam** dan berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah.
 - ii. **Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**
 - iii. Memiliki **Sijil Kelahiran** yang sah.
 - iv. Memiliki **Sijil Kerakyatan** sendiri (bagi murid yang berkenaan sahaja).
 - v. Umur tidak mencapai **12 tahun** pada **tahun kemasukan 2026M**.
 - vi. Berada sekurang-kurangnya dalam **Tahun 4 di Sekolah Rendah Kerajaan/Swasta**.

.../2

Tambahan syarat bagi **murid Muallaf**:

- a) Ibu bapa murid hendaklah **Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** ATAU **Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam** yang memiliki **Kad Pengenalan Pintar berwarna ungu**.
 - b) Murid sendiri berserta kedua-dua ibu bapa murid adalah Muallaf dan telah memeluk ugama Islam tidak melebihi **10 tahun**.
- B. Pendaftaran akan dibukakan kepada semua murid yang layak/memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas dengan melengkapkan borang pendaftaran peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) yang boleh didapati daripada Guru Besar/Ketua Guru Ugama di sekolah masing-masing.
3. Guru-guru Besar/Ketua Guru Ugama bertanggungjawab meneliti dan menyemak semua borang pendaftaran murid dari sekolah masing-masing. **Hanya borang-borang pendaftaran murid yang memenuhi syarat sahaja akan dihantar** ke pejabat Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui persuratan secara rasmi dengan menyertakan senarai nama murid-murid yang didaftarkan. **Borang-borang yang dihantar tanpa persuratan rasmi tidak akan dilayan**.
4. Guru-guru Besar/Ketua Guru Ugama hendaklah **memaklumkan dengan segera** ke Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama jika ada calon-calon yang menarik diri dari menduduki peperiksaan ini ATAU berpindah ke sekolah/pusat lain ATAU jika menerima calon-calon yang berpindah dari sekolah/pusat lain.
5. Mata-mata pelajaran yang akan diperiksakan adalah seperti berikut:
- **Pendidikan Islam 1 : al-Quran**
 - **Pendidikan Islam 2 : Tauhid & Ibadat**
 - **Mathematics**
 - **Science**
- ☞ Soalan-soalan bagi mata-mata pelajaran komponen Pendidikan Islam 1: (al-Quran) dan Pendidikan Islam 2: (Tauhid & Ibadat) akan dikemukakan dalam bahasa Melayu mengikut sukanan pelajaran Tahun 4 yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- ☞ Manakala soalan-soalan bagi mata pelajaran Mathematics dan Science pula akan dikemukakan dalam bahasa Inggeris mengikut sukanan pelajaran Tahun 4 yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
6. Guru-guru Besar/Ketua Guru Ugama bolehlah mendapatkan borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran dari pejabat **Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam bertempat di tingkat bawah bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis semasa waktu pejabat dibuka mulai hari Isnin, 13 Rejab 1446H bersamaan 13 Januari 2025M**.
7. Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap diisi berserta dengan dokumen-dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke pejabat **Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam TIDAK LEWAT PADA hari Khamis, 28 Syaaban 1446H bersamaan 28 Februari 2025M**. Panduan melengkapkan borang pendaftaran disertakan sebagaimana **Lampiran A**.